PP lwn. GOPELA KRISHNAN ARUMUGAM

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HADHARIAH SYED ISMAIL HMR
MOHAMED ZAINI MAZLAN HMR
AZMI ARIFFIN HMR
[RAYUAN SEMAKAN JENAYAH NO: A-05-19-01-2023]
26 SEPTEMBER 2023

Abstrak – *Inkues adalah satu proses siasatan untuk mengenal pasti dan membuktikan fakta-fakta yang telah berlaku. Inkues adalah siasatan oleh Mahkamah Koroner tentang sebab kematian dan, bukan seperti perbicaraan mahkamah sivil, prosiding inkues tertakluk dengan peruntukan s. 337 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Dalam kes ini, keputusan Mahkamah Tinggi mengenepikan keputusan terbuka Mahkamah Koroner atas alasan terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dalam kematian si mati dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri, tidak dibenarkan di peringkat ini bawah s. 377 KTJ*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Inkues – Siasatan tentang kematian – Salah guna kuasa oleh pihak polis – Si mati ditembak polis atas alasan mempertahankan diri – Mahkamah Koroner memberi keputusan terbuka – Mahkamah Tinggi memutuskan wujud unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan menyalahi undang-undang oleh pihak polis – Sama ada Mahkamah Koroner bertindak menurut s. 337 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada keputusan Mahkamah Tinggi melampaui Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2019 – Sama ada bercanggah dengan per. 145(2) Perlembagaan Persekutuan*

Semasa mengetuai Ops cantas bersama-sama dengan tiga anggota polis, ASP Sukjit Singh Jagara Singh ('SI3') terserempak dengan sebuah kereta Proton Waja di Pekan Air Tawar dalam keadaan mencurigakan pada waktu awal pagi. Apabila diarahkan berhenti dan SI3 memperkenalkan dirinya sebagai polis dari dalam keretanya, kereta Waja itu terus memecut laju. Kereta pasukan polis mengejar kereta Waja yang memecut tanpa berhenti sehingga kereta Waja itu akhirnya terbabas di tepi jalan. Kemudian, berlaku tembak menembak antara pasukan polis dan lelaki yang turun dari kereta Waja itu. Setelah merasakan tiada ancaman, SI3 menghampiri lelaki itu dan melihat terdapat dua kesan tembakan di bahagian dadanya dan dia didapati telah meninggal dunia. Melalui semakan kad pengenalannya, diketahui namanya ialah Mohan a/l Gopela Krishnan, seorang yang termasuk dalam senarai orang yang dikehendaki dan mempunyai beberapa rekod lampau. SI3 juga melihat ada sepucuk pistol berhampiran dengan tangannya. Laporan bedah siasat mengesahkan bahawa punca kematian adalah pendarahan berlebihan akibat luka-luka tembakan di dada. Mahkamah Koroner memutuskan, antara lain: (i) the verdict in this case inquest is – OPEN; (ii) there was no bullet

A nor casing found at the scene; (iii) there was no gun shot residue on the deceased person's hands, as per the testimony of witnesses that testified the deceased fired a single shot at the police; (iv) there was no finger print lifted off the gun purportedly used by the deceased; and (v) there was no ballistic report tendered to court. Terkilan, peguam pemerhati responden memohon B pada Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') untuk semakan bawah s. 323 dan s. 325 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') terhadap keputusan terbuka tersebut untuk menentukan 'who was criminally concerned' dan bukannya 'who was criminally liable' dalam kematian si mati ini. Hakim Mahkamah Tinggi, dalam membenarkan permohonan semakan jenayah dan mengetepikan C keputusan terbuka Mahkamah Koroner, memutuskan, antara lain, terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dalam kematian si mati dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri. Hakim Mahkamah Tinggi seterusnya mengarahkan Ketua Polis Negara ('KPN') dan Peguam Negara ('AG') melakukan apa-apa yang perlu untuk memulakan apa-apa sabitan bawah KTJ dan Perlembagaan D Persekutuan. Oleh itu, rayuan ini agar keputusan HMT diketepikan.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu)
Oleh Azmi Ariffin HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tugas Mahkamah Koroner berhubung prosiding inkues kematian jelas E diperuntukkan bawah s. 337 KTJ. Terdapat lima perkara yang harus diputuskan oleh Mahkamah Koroner dalam prosiding inkues iaitu: (i) bilakah si mati meninggal dunia; (ii) di mana si mati meninggal dunia; (iii) bagaimana si mati meninggal dunia; (iv) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan (v) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan F kematian si mati. Seksyen 337 KTJ menggariskan terma-terma rujukan yang harus dipatuhi oleh Mahkamah Koroner semasa menjalankan prosiding inkues kematian. Mahkamah Koroner tidak boleh sama sekali bertindak di luar batasan terma-terma rujukan yang ditetapkan undang-undang. (perenggan 21-23)

G **(2)** Inkues bukan satu perbicaraan atas pendakwaan yang dibuat terhadap seorang tertuduh. Oleh itu, isu sama ada tembakan yang dilepaskan oleh SI3 dan SI4 sah di sisi undang-undang atas dasar mempertahankan diri atau sebaliknya tidak boleh dinyatakan dan diputuskan dalam prosiding inkues ini. Seksyen 377 KTJ tidak membenarkan dapatan sebegini H dibuat di peringkat ini. Hakim Mahkamah Tinggi juga tidak boleh mencadangkan atau mengarahkan KPN dan AG untuk memulakan tindakan pendakwaan terhadap mana-mana pihak yang dikatakan terlibat dalam menyebabkan kematian si mati. Dengan berbuat demikian, HMT telah mengambil alih bidang kuasa dan budi bicara I Peguam Negara/Pendakwa Raya bawah per. 145(2) Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 26 & 27)

(3) Keputusan/dapatan HMT berkenaan wujudnya salah guna kuasa dan tembakan yang dilepaskan itu bukan sebenarnya untuk tujuan mempertahankan diri nyata telah melampaui Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2019. Oleh itu, kes ini dikembalikan semula ke Mahkamah Tinggi untuk didengar di hadapan hakim yang lain berdasarkan pada kehendak undang-undang dan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2019. (perenggan 28 & 30)

English *headnotes*

ASP Sukjit Singh Jagara Singh ('SI3'), while leading the 'Ops cantas' with three other police officers, saw a Proton Waja car at Air Tawar town acting suspiciously in the early hours of the morning. When directed to stop and when SI3 introduced himself as a police officer from the inside of his car, the Waja car sped off. The police car chased the Waja car until the Waja car finally skidded by the roadside. Thereafter, there was an exchange of gunfire between the police and the man who exited from the Waja car. Upon sensing that there was no more threat, SI3 approached the man and saw two gunshot wounds on his chest and he was deceased. From his identity card, it was found that his name was Mohan a/l Gopela Krishnan, a person who was on the wanted list and had several past records. SI3 also saw a gun next to the deceased's hand. The post mortem report revealed the cause of death was due to excessive bleeding caused by gunshot wounds on his chest. The Coroner's Court held, *inter alia*: (i) the verdict in this case inquest is – OPEN; (ii) there was no bullet nor casing found at the scene; (iii) there was no gunshot residue on the deceased person's hands, as per the testimony of witnesses that testified the deceased fired a single shot at the police; (iv) there was no finger print lifted off the gun purportedly used by the deceased; and (v) there was no ballistic report tendered to court. Aggrieved, the respondent's watching brief counsel applied to the High Court Judge ('HCJ') for a review under ss. 323 and 325 of the Criminal Procedure Code ('CPC') against the open verdict to determine 'who was criminally concerned' and not 'who was criminally liable' in the death of the deceased. The HCJ, in allowing the criminal review application and setting aside the Coroner's Court's open verdict, held, *inter alia*, that there were elements of abuse of power and conduct that were against the law by the police in the death of the deceased and it was not for the purpose of self-defence. The HCJ further ordered the Director General of Police ('DGP') and the Attorney General ('AG') to do the necessary to commence a prosecution under the CPC and the Federal Constitution. Hence, this appeal for the setting aside of the decision of the HCJ.

Held (allowing appellant's appeal)
Per Azmi Ariffin JCA delivering the judgment of the court:

(1) The duty of the Coroner's Court relating to an inquest upon a death was clearly provided under s. 337 of the CPC. There were five matters to be decided by the Coroner's Court in an inquest proceeding, *ie*: (i) when

A the deceased came by his death; (ii) where the deceased came by his death; (iii) how the deceased came by his death; (iv) in what manner the deceased came by his death; and (v) whether any person is criminally concerned with the death of the deceased. Section 337 of the CPC provides terms of reference which is to be complied with by the
B Coroner's Court in holding proceeding in inquiries of death. The Coroner's Court should never act beyond the limits of the reference terms provided under the law.

(2) An inquest is not a trial upon the prosecution against an offender. Therefore, the issue as to whether the gun shots fired by SI3 and SI4 was
C legal on the grounds of self-defence or otherwise, could not be stated or decided in this inquest proceedings. Section 377 of the CPC does not allow such findings to be made at this stage. The HCJ also ought not to suggest or direct the DDP and AG to commence a prosecution against any party alleged to have been involved in the death of the deceased. By
D doing so, the HCJ had taken over the jurisdiction and discretionary powers of the AG/Public Prosecutor under art. 145(2) of the Federal Constitution.

(3) The decision/findings of the HCJ that there was abuse of power and the gunshot fired was not actually in self-defence was beyond the Practice
E Direction No 2 of 2019. Therefore, the case was remitted to the High Court to be heard before another judge based on the provisions of laws and Practice Direction No 2 of 2019.

Kes-kes yang dirujuk:
In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased [2007] 2 CLJ 362 HC ***(dirujuk)***
F *Inquest Into The Death Of Rumie Mahlie [2007] 1 LNS 172 HC* ***(dirujuk)***
Teoh Meng Kee v. PP [2014] 7 CLJ 1034 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 323, 325, 337
Federal Constitution, art. 145(2)

G *Bagi pihak perayu - Zaki Asyraf Zubir & Parvin Hameedah Natchiar TPR*
Bagi pihak responden - Raam Kumar & V Selvaratnam; T/n V Selva & Assoc

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Gopela Krishnan Arumugam lwn. PP [2023] 5 CLJ 66 (ditolak).]

H *Dilaporkan oleh S Barathi*

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin HMR:

I **Pengenalan**

[1] Kandungan 13 bertarikh 18 Januari 2023 adalah notis rayuan yang difailkan oleh perayu/Pendakwa Raya penghakiman ("JC") terhadap

keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh yang telah mengetepikan keputusan terbuka (open verdict) yang dibuat oleh Mahkamah Koroner pada 29 Ogos 2022.

Saksi-saksi Inkues

[2] Lapan orang saksi-saksi inkues yang dipanggil untuk memberikan keterangan. Senarai mereka adalah seperti berikut:

(i) SI1: Zalina binti Yaacob (penerima maklumat pertama);

(ii) SI2: Gopela Krishnan a/l Arumugam (bapa si mati/pemohon);

(iii) SI3: ASP Sukjit Singh Jagara Singh (pegawai polis yang menembak si mati);

(iv) SI4: D/Sjn Zulhadi bin Ramli (anggota polis yang menembak si mati);

(v) SI5: ASP Ahmad Hisyam bin Mohamed Sani (pegawai penyiasat);

(vi) SI6: Dr Siti Zanariah binti Md Naziri (pakar perubatan forensik);

(vii) SI7: Insp Nur Zahirah binti Mustapha; dan

(viii) SI8: Insp Zaiton binti Yaacob (juruanalisa senjata).

Fakta Kes Secara Ringkas

[3] Pada 8 Oktober 2016, jam sekitar 3.15 pagi, ASP Sukjit Singh Jagara Singh (SI3) yang mengetuai Ops Cantas rondaan kawasan Sitiawan dan juga Air Tawar bersama-sama dengan tiga orang lagi anggota polisnya iaitu Sarjan Raini, Koperal Zulhadi dan Koperal Hazrol Azrai dengan menaiki kereta pasukan, Proton Preve tanpa lambang polis, telah terserempak dengan sebuah kereta Proton Waja No. Pendaftaran JHF 1921 di pekan Air Tawar dalam keadaan mencurigakan iaitu kereta dipandu perlahan, memerhatikan jalan dan deretan kedai yang tidak beroperasi pada waktu awal pagi.

[4] Kenderaan pasukan polis yang dipandu oleh Koperal Hazrol Azrai telah menghampiri kereta Waja tersebut dan meminta pemandu Waja tersebut berhenti dengan menekan hon. SI3 yang duduk di kerusi hadapan bahagian penumpang, telah menurunkan cermin tingkap dan memperkenalkan dirinya. SI3 telah mengeluarkan tangannya dari tingkap kereta dan menjerit, "berhenti-berhenti, polis, polis, polis". Namun pemandu Waja tersebut tidak memberhentikan kenderaannya tetapi sebaliknya kereta tersebut terus memecut laju ke arah Sitiawan. SI3 tidak dapat melihat pemandu di dalam kenderaan Waja tersebut kerana cermin kereta tersebut gelap.

[5] Kereta pasukan telah mengejar kereta Waja tersebut. Kereta Waja tersebut dengan kelajuan melebihi 100 km/j telah memecut tanpa berhenti di dua atau tiga. Kenderaan pasukan telah bertindak mengejar kereta Waja tersebut dalam tujuh hingga sepuluh kilometer. SI3 dan pasukannya yang berada di belakang kereta Waja tersebut telah cuba untuk memberhentikan

kenderaan Waja tersebut dengan cara memasang lampu dan menekankan hon kenderaan. Namun kereta Waja yang dipandu dengan laju masih tidak berhenti juga. Kereta Waja tersebut terus masuk ke arah Simpang 5 dan akhirnya terbabas di tepi jalan. Kereta pasukan tiba dan berhenti sekitar jarak lima-sepuluh meter di belakang kereta Waja tersebut.

[6] Seorang lelaki kelihatan turun dari tempat pemandu. SI3 dan Koperal Zulhadi telah turun dari kereta pasukan sambil menjerit "polis!". Kemudian SI3 terdengar satu das tembakan dan nampak lelaki tersebut sedang memegang sepucuk pistol. Mengikut SI4 pula, semasa pemandu tersebut keluar dari kenderaannya, lelaki tersebut terus melepaskan satu das tembakan ke arah pasukan polis.

[7] Bagi mempertahankan diri, SI3 telah melepaskan dua das tembakan menghala ke arah lelaki tersebut. Manakala Koperal Zulhadi turut juga melepaskan satu das tembakan. SI3 nampak lelaki tersebut jatuh. Setelah merasakan tiada ancaman lagi, SI3 menghampiri lelaki yang telah rebah tersebut dan melihat terdapat dua kesan tembakan di bahagian dadanya. SI3 juga melihat ada sepucuk pistol berhampiran dengan tangannya. SI3 mendapati lelaki tersebut telah meninggal dunia.

[8] SI3 telah menghubungi DCC Manjung untuk memaklumkan kejadian yang berlaku. Sementara menunggu pegawai penyiasat dan pasukan forensik sampai ke tempat kejadian tersebut, SI3 telah membuat semakan pada kad pengenalan lelaki tersebut dan mendapati si mati adalah seorang lelaki India bernama Mohan a/l Gopela Krishnan dan semakan mendapati si mati termasuk di dalam senarai orang yang dikehendaki ('wanted list') dan mempunyai beberapa rekod lampau (folio D6).

[9] Pegawai penyiasat tiba di tempat kejadian lebih kurang 4.10 pagi. Manakala pasukan forensik pula tiba pada jam lebih kurang 6 pagi. Pemeriksaan dan siasatan dijalankan oleh kedua-dua pihak.

[10] SI3 dan pasukannya telah pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung untuk membuat laporan polis berkenaan kejadian tersebut. Laporan polis tersebut telah dibuat oleh SI3 pada 8 Oktober 2016 jam 8.39 pagi.

[11] Laporan bedah siasat yang dikemukakan melalui SI6 menunjukkan terdapat tiga luka akibat tembakan iaitu dua di bahagian dada kiri dan satu di peha kanan. Tiada peluru pada bahagian badan. SI6 mengesahkan bahawa punca kematian adalah kerana pendarahan berlebihan akibat luka-luka tembakan di dada.

[12] Pegawai penyiasat iaitu SI5 telah menghantar swabbing pada pistol yang dijumpai berdekatan dengan si mati dan hasil analisa yang dibuat oleh Jabatan Kimia Malaysia mendapati sisa tembakan senjata api (gunshot residue) tidak dikesan pada kesemua stub logam tersebut.

Keputusan Mahkamah Koroner

[13] Pada 29 Ogos 2022, Mahkamah Koroner telah mencapai keputusan seperti berikut:

(i) the verdict in this case inquest is – open;

(ii) there was no bullet nor casing found at the scene;

(iii) there was no gunshot residue on the deceased person's hands, as per the testimony of witnesses that testified the deceased fired a single shot at the police;

(iv) there was no fingerprint lifted off the gun purportedly used by the deceased; and

(v) there was no ballistic report tendered to the court.

Surat Peguam Memohon Semakan

[14] Terkilan dengan keputusan terbuka yang dibuat oleh Mahkamah Koroner ini, maka pada 15 September 2022, peguam pemerhati responden telah menulis surat kepada Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak memohon agar YA Hakim MT membuat semakan di bawah s. 323 dan 325 Kanun Tatacara Jenayah terhadap keputusan terbuka tersebut dan untuk memerintahkan suatu dapatan bagi menentukan "who was criminally concerned" sahaja dan bukannya "who was criminally liable" di dalam kematian si mati ini.

[15] Bagi memudahkan rujukan, kandungan di dalam surat peguam tersebut, di antara lainnya menyatakan seperti berikut:

1. Dengan segala hormatnya, kami merujuk perkara di atas di mana kami merupakan Peguam Pemerhati yang telah dilantik oleh ibu bapa si mati yang merupakan Pentadbir harta pusaka si mati di dalam kes inkues di atas tersebut.

2. Pada 29.8.2022 Puan Hakim Mahkamah Sesyen Ainul Shahrin binti Mohammad ('Puan Hakim') telah menzahirkan satu keputusan terbuka yakni **'Open Verdict'** bagi kematian si mati Mohan a/l Gopela Krishnan.

3. Puan Hakim yang bijaksana di dalam prosiding lnkues ini adalah hanya tertakluk kepada threshold-test yang rendah sahaja namun pada hakikatnya hanya Puan Hakim yang bijaksana mempunyai setiap peluang yang munasabah bagi melihat dan menilai keterangan kesemua saksi serta dokumentari yang dikemukakan di dalam prosiding ini dimana ia adalah wajar sekiranya Puan Hakim yang bijaksana memberikan suatu keputusan yang dapat menentukan **"who was criminally concerned"** sahaja dan bukannya "who is criminally liable" di dalam kematian si mati.

4. Dengan penuh takzimnya, berikut adalah merupakan alasan-alasan permohonan kami bagi Mahkamah Yang Mulia ini menyemak semula penghakiman **'Open Verdict'** tersebut atas dasar:

a) Pengendali Inkues ini tidak menyediakan sebarang hujahan kepada Mahkamah sebelum keputusan diberikan di mana ia menunjukkan bahawa inkues ini telah dipandang remeh-temeh sehinggakan tidak perlunya suatu hujahan disediakan dan seolah-olahnya hanyalah dijalankan sekadar merekodkan bahawa adanya perjalanan inkues di Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Ipoh. Ia adalah dinyatakan bahawa hanya pihak Peguam Pemerhati sahaja yang telah menyerahkan sesalinan hujahan dan otoriti kepada mahkamah;

b) Bahawa Puan Hakim dalam memberikan keputusan 'open verdict' telah gagal menimbangkan keterangan daripada ASP Sukjit Singh (SI3) dan Detektif Sarjan Zulhaldi bin Ramli (SI4) yang dengan jelasnya bercanggah dengan fakta atau kebenaran yang tertonjol menerusi keterangan-keterangan dokumentari dan sebaliknya;

c) Bahawa Puan Hakim dalam memutuskan keputusan 'open verdict' tidak mengambil kira bahawa kedua-dua SI3 dan SI4 merupakan pengkhidmat awam yang diberi tanggungjawab yang besar dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara namun pada hakikatnya kini sudah timbul banyak kes kematian orang awam ketika berada di dalam custody pihak polis. Maka ia bukan lagi selamat dan wujudlah ruang bagi pengkomitan penembakan ke arah si mati dengan sengaja, dengan niat untuk menghapuskan penama-penama yang berada didalam rekod pihak polis atau telah wujud suatu 'aim to kill' telah dipelankan sejak awal lagi berdasarkan isu-isu lain yang hanya diketahui oleh pihak polis terutamanya SI3 yang merupakan pegawai berpangkat paling tinggi yang telah berada dan terlibat didalam penembakan si mati;

d) Puan Hakim telah gagal mengambil kira bahawa kepentingan awam adalah juga terpakai bagi si mati dan si mati bukan merupakan seorang penjenayah terkemuka atau insan yang zalim atau di dalam kategori penjahat sehingga kehidupan si mati berakhir dengan cara ditembak mati serta difabrikasikan dengan pelbagai keterangan palsu yang tidak berasas oleh SI3 dan SI4 khususnya;

e) Untuk makluman Yang Arif si mati merupakan seorang yang telah berkahwin, bekerja dengan cara menjalankan perniagaan sendiri di mana terdapat keperluan untuk menampung keluarga sehingga pada hari kematiannya, di mana keputusan inkues ini juga adalah sebenarnya mustahak bagi menentukan masa hadapan keluarga agar mereka hidup dalam keadaan yang aman selepas ditimpa penderitaan dan malapetaka kematian si mati.

f) Pihak kami telah menyatakan pada awal Inkues bahawa tujuan kami dilantik adalah bagi pemantauan dan pihak keluarga si mati telah menyatakan mereka tidak diberikan sebarang pampasan insuran oleh pihak insuran si mati kerana si mati telah

terlibat dalam jenayah. Keluarga si mati telah terkilan dan kecewa dengan cara si mati meninggal dan mereka memerlukan penegakan keadilan di dalam hal ini.

g) Pertama sekali, kami pohon Yang Arif mempertimbangkan bahawa berlandaskan jalan cerita yang hanya diberikan atau dimaklumkan oleh SI3 dan SI4 yang juga sebenarnya merupakan penembak si mati, ia adalah ketara bahawa mereka mempunyai begitu banyak kepentingan untuk menyelamatkan diri sendiri mereka serta pekerjaan mereka yang memberikan kuasa yang mampu disalahgunakan bila mana ruang bagi 'occasioning of miscarriage of justice' adalah terlampau tinggi sekiranya hanya testimoni SI3 dan SJ4 diberikan keutamaan (weight given to the oral evidence) dalam mencapai keputusan inkues ini;

h) Tidak terdapat seorang pun saksi awam yang dapat memberikan pengesahan yang mampu corroborate dengan keterangan-keterangan SI3 dan SI4 di mana Puan Hakim gagal mempertimbangkan bahawa terdapat kebarangkalian yang tinggi bagi fabrikasi di dalam jalan cerita bagi SI3 dan SJ4 mengelakkan diri mereka serta team mereka daripada menanggung sebarang implikasi atau liabiliti;

i) Terdapat ketidaksenambungan di dalam jalan cerita atau testimoni SI3 dan SI4 yang menyatakan bahawa kereta si mati telah terbabas dalam satu kejadian kejar-mengejar di antara mereka dan si mati terus keluar daripada kereta dan menembak ke arah polis dan pihak polis telah membalas tembakan dan si mati telah mati;

j) Puan Hakim dalam memberikan open verdict, telah gagal menimbangkan fakta bahawa keadaan kereta si mati di dalam gambar rajah yang dikemukakan ketika inkues tidak menunjukkan tanda-tanda terbabas. Tiada mana-mana kesan tayar atau debris atau heretan pada rumput ataupun mana-mana kesan di sepanjang jalan yang ditunjukkan bagi membuktikan bahawa jalan cerita SI3 dan SI4 adalah benar dan sahih. Sekiranya jalan cerita tersebut adalah sesuatu yang benar-benar terjadi, siasatan lanjut pegawai penyiasat juga tidak memfokuskan mengenai fakta bagaimana mendiang telah benar-benar berusaha melarikan diri daripada pihak polis, gagal memberhentikan kenderaannya, kenderaannya yang telah terbabas dan si mati telah turun dan terus menembak ke arah pihak polis;

k) Puan Hakim juga telah gagal untuk memberi perhatian kepada fakta bahawa SI3 dan SI4 dengan cara yang terancang telah menembak si mati kerana pihak polis di dalam menyelamatkan diri sendiri daripada mana-mana ancaman, bolehlah melepaskan das tembakan, namun SI3 di dalam hal ini telah melepaskan tembakan ke arah dada si mati dengan mengetahui dengan jelas

bahawa tembakan sebegitu akan semestinya membunuh seseorang. Tembakan adalah seharusnya dilepaskan bagi melemahkan si mati dan bukan untuk membunuh si mati.

l) Ia juga adalah pada pengetahuan umum masyarakat bahawa tembakan sekiranya perlu, boleh dilepaskan ke atas udara atau 'lower body' seperti kaki bagi melemahkan orang itu. Namun tembakan yang jelas dilepaskan oleh bukan seorang polis, tetapi dua orang polis terhadap hanya seorang orang awam (si mati) yang kononnya mempunyai pistol adalah brutal dan dengan niat untuk mematikan si mati.

m) Sekiranya diteliti, SI3 dan SI4 di dalam menjalankan tugasan rasminya seperti rondaan adalah seharusnya menggunapakai kenderaan pasukan/PDRM atau dengan lebih khusus, kenderaan yang dapat memberikan gambaran jelas kepada rakyat jelata bahawa ia adalah kenderaan polis. Perbuatan pihak polis yang menggunakan kereta yang tidak mempunyai sebarang tanda-tanda autoriti PDRM adalah juga suatu yang perlu disoal, samada ia telah dirancang untuk menggunakan kereta tersebut ketika mereka melancarkan pelan tembakan tersebut pada awal pagi itu;

n) Adalah langsung tidak wajar kepada si mati sekiranya si mati harus (obliged to) untuk berhentikan keretanya apabila ditahan oleh orang yang tidak dikenali dan dengan mengambil kira faktor masa (awal pagi) serta jumlah orang yang duduk di dalam kereta yang ingin menahannya, dan juga cara SI3 mendekati si mati samada dalam cara yang mengerikan, ganas atau menakutkan sehingga menyebabkan si mati takut bahawa kumpulan di dalam kereta tersebut adalah ancaman kepada dan ia bukan sahaja terpakai bagi pihak polis.

o) Alasan bahawa suatu 1 kereta sedang bergerak perlahan pada waktu malam atau awal pagi bukan merupakan satu alasan bagi mengesyaki seseorang melakukan jenayah dan sekiranya suatu kenderaan sedang bergerak di jalan raya pada waktu awal pagi, ia tidak bermakna pemandu tersebut telah melakukan jenayah dan beliau mesti disyaki. Padahalnya kami percaya bahawa pada ketika itu tidak ada juga apa-apa laporan kecurian, pembunuhan atau samun dilaporkan di kawasan atau radius berdekatan kawasan perjalanan kereta si mati. Tidak ada sebarang keterangan sebegitu juga diberikan ketika inkues. Maka, hanya kerana kereta si mati bergerak perlahan berhampiran deretan kedai yang tertutup pada waktu tersebut, si mati telah disyaki dan kononnya telah diarahkan untuk berhenti oleh pihak polis;

p) SI3 dan SI4 apabila dipersoalkan oleh pihak kami telah menyatakan bahawa lampu bersiren telah berada di dalam kereta dan ianya hanya dipasang setelah kejar-mengejar mula berlaku. Adalah tidak munasabah sekiranya SI3 telah memasang lampu siren tersebut ketika kereta sedang bergerak dalam kelajuan yang tinggi dan kami percaya SI3 tidak ingin

menggadai nyawanya bagi memasang lampu siren di bumbung kereta ketika kereta mereka sedang kejar-mengejar dengan kereta si mati;

q) SI3 juga tidak memaklumkan atau menghubungi bilik gerakan bagi bantuan lain atau bantuan sekatan jalan raya bagi menangkap si mati. Akan tetapi telah terus kejar-mengejar dan menembak sehingga menyebabkan kematian si mati;

r) Puan Hakim telah terkhilaf apabila tidak menimbangkan testimoni SI3 dan SI4 adalah rekaan semata-mata kerana, mana-mana individu (reasonable man) yang kononya kereta terbabas, akan berada di dalam situasi yang cemas dan terjejas sekurang-kurangnya sedikit sebanyak secara fizikal di mana ia adalah tidak berkemungkinan langsung bagi si mati untuk terus keluar dari kereta yang terbabas dan terus menembak;

s) Rujukan kepada gambar-gambar si mati baring terlentang di atas rumput di hadapan keretanya, posisi dan keberadaan jasad mendiang dan posisi kereta mendiang dengan keadaan pintu keretanya terbuka, ia tidak mempunyai sebarang indikasi bahawa si mati telah terus turun dan mula menembak ke arah pihak polis. Puan Hakim telah terkhilaf dalam memberikan satu keputusan open verdict kerana testimoni SI3 dan SI4 adalah amat terancang namun kepalsuan di dalam keterangan mereka telah dicabar menerusi dokumentari lain iaitu gambar-gambar yang dikemukakan serta keterangan lain yang tidak pernah diberikan atau pun disiasat di dalam kematian ini.

t) Puan Hakim gagal memberi pertimbangan wajar kerana kesahihan dan kebenaran pada keterangan SI3 yang menyatakan kononnya beliau terlihat suatu kilat 'flash' sebelum SI3 dan SI4 melepaskan tembakan ke arah mendiang untuk melindungi diri mereka;

u) Puan Hakim dalam memutuskan 'open verdict', tidak mengambil kira kebenaran yang tertonjol daripada laporan kimia bertarikh 16.1.2017 di mana ia telahpun dengan jelasnya mendapati tidak ada mana-mana kesan tembakan (gunshot residue) ke atas ke semua stub logam bila mana ini merupakan satu jawapan yang konkrit dan pasti bahawa mendiang tidak pernah melepaskan apa jua tembakan terhadap SI3 dan SI4. Adalah mustahil untuk si mati melepaskan tembakan kerana setiap tembakan yang dilepaskan semestinya mempunyai gunshot residue. Fakta ini tidak boleh dipertikaikan langsung. Jadi, apa keperluan bagi melepaskan tembakan ke arah si mati apabila si mati tidak pernah mengancam pihak polis khususnya SI3 dan SI4;

v) Puan Hakim juga gagal mengambil kira fakta dan bukti yang kukuh bahawa tidak ada sebarang kesan DNA atau cap jari mendiang ke atas pistol itu yang kononnya berada di sebelah mendiang setelah SI3 dan SI4 menembaknya. Sekiranya

keterangan SI3 dan SI4 adalah tidak palsu, maka kesan gunshot residue, cap jari dan DNA sudah tentu ditemui pada pistol tersebut. Ia adalah amat mustahil bagi menyatakan bahawa seseorang yang telah (kononnya) terbabas keretanya, terus keluar daripada kereta yang terbabas dan telah melepaskan das tembakan dengan ketidakhadiran elemen elemen yang menunjukkan pengunaan bahan api tersebut langsung.

w) Pada hakikatnya kebenaran adalah, mendiang sememangnya tidak pernah memiliki ataupun menggunakan mana-mana pistol dan tidak pernah melepaskan tembakan dan ini telah dipastikan dengan laporan kimia. Tembakan yang dilepaskan ke arah si mati adalah suatu yang dirancang terlebih dahulu, dengan niat untuk melepaskan tembakan dan dengan niat untuk mematikan si mati;

x) Puan Hakim juga telah terkhilaf apabila tidak menitikberatkan fakta bahawa SI3 dan SI4 serta pegawai siasatan kes tidak pernah menemui atau mengambil langkah untuk mencari peluru yang kononnya dilepaskan melalui tembakan daripada si mati. Ia adalah amat ketara bahawa keterangan SI3, SI4 berkenaan mendiang adalah dipalsukan kerana mendiang kini tidak bernyawa untuk memberikan keterangan di Mahkamah dan mencabar keterangan palsu ini. Sekiranya tembak-menembak telah berlaku, ia telah menjadi tanggungjawab polis bagi menunjukkan keterangan-keterangan relevan dan kredibel yang juga memberikan justifikasi yang kukuh kepada penembakan tersebut. Sekiranya tidak, penembakan mati orang awam sebegini akan berleluasa dan negara kita adalah tidak lagi selamat kerana penembakan sebegini akan 'diwajarkan' oleh pihak yang telah melepaskannya;

y) Puan Hakim telah terkhilaf dengan tidak memandang berat terhadap 'omission' pada tugas pegawai penyaiasat kes yang telah memandang remeh pada pelbagai aspek penyiasatan, salah satunya ketiadaan laporan balistik yang dapat mengesahkan bahawa pistol yang kononnya digunakan oleh si mati. Ini sudah pastinya memprejudiskan hak si mati untuk mendapatkan keadilan. Ia menunjukkan terdapatnya kebenaran yang telah ditimbuskan di dalam penembakan si mati. Siasatan yang tidak telus menunjukkan dengan sendirinya bahawa terdapat keterangan yang bercanggah dengan keterangan SJ3 dan SI4 ketika di inkues dan siasatan yang telah dikompromi;

z) Puan Hakim yang bijaksana telah gagal memberi perhatian kepada fakta bahawa telah terdapatnya kewujudan Inspector General Standing Order (IGSO) yang telah memberikan garis panduan yang jelas bagi pihak polis dalam perbuatan melepaskan tembakan kepada mana-mana inidividu bila mana SI3 dan SI4 telah menunjukkan 'complete ignorance' terhadap kewujudan garis panduan ini dalam 'discharge of their duties'. Perbuatan kedua-dua SI3 dan SI4 adalah bertentangan dengan

garis panduan yang ditetapkan dan 'ignorance' terhadap kewujudan IGSO adalah bukan satu alasan yang boleh diterima lebih-lebih lagi SI3 selaku seorang yang berpangkat ASP telah dengan sewenang-wenangnya melepaskan tembakan ke arah dada si mati.

5. Oleh yang demikian, kami dengan rendah diri ingin memohon agar Mahkamah yang Mulia ini dapat memberikan satu keputusan yang menentukan 'who is criminally concerned' di dalam kematian si mati dan mengetepikan keputusan 'open verdict' yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

6. Dengan rendah diri, kami juga berharap Mahkamah Yang Mulia ini dapat memberi keutamaan kepada permohonan kami yang mampu membawa keadilan kepada keluarga si mati yang terjejas teruk.

7. Sekian diedarkan untuk tindakan pihak tuan/puan sewajarnya dan pihak kami terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih di atas kewajaran pertimbangan ini. (penekanan ditambah)

Keputusan Mahkamah Tinggi

[16] Pada 12 Januari 2023, Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh telah memutuskan untuk membenarkan permohonan semakan jenayah yang difailkan oleh responden dan mengetepikan keputusan terbuka (open verdict) yang dibuat oleh Mahkamah Koroner pada 29 Ogos 2022. Petikan keputusan tersebut dibentangkan semula di sini.

Berpandukan pada keterangan dan nas undang-undang di atas, saya dalam menjalankan kuasa semakan yang sedia ada di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 mengetepikan keputusan "open verdict" oleh Hakim Koroner pada 29 Ogos 2022 dan berkenaan adakah sesiapa yang bertanggungjawab secara jenayah ("who is criminally concerned") berhubung kematian si mati tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu, dalam kematian si mati, saya dengan ini memutuskan si mati meninggal disebabkan terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri.

Dengan dapatan dari verdict ini, saya mengarahkan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara untuk melakukan apa-apa yang perlu bagi memulakan apa-apa sabitan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan seterusnya menjalankan pendakwaan sekiranya difikirkan wajar.

Ini adalah kerana inkues tidak boleh menentukan sama ada apa-apa kesalahan jenayah telah dilakukan oleh mana-mana individu bertentangan dengan mana-mana undang-undang atau peraturan kerana itu adalah bukan di dalam bidang kuasa mahkamah ini tetapi bidang kuasa Pendakwa Raya.

Rayuan Perayu/Pendakwa Raya

[17] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan di hadapan Mahkamah yang Mulia ini bagi memohon agar keputusan Hakim Mahkamah Tinggi diketepikan.

Beban Pembuktian

[18] Beban pembuktian bagi prosiding inkues kematian adalah di atas imbangan kebarangkalian sepertimana yang telah dijelaskan di dalam kes *Teoh Meng Kee v. PP* [2014] 7 CLJ 1034 di ms. 1079 perenggan 111, di mana Mah Weng Kwai HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> It will be noted that s. 328 of the CPC speaks of "opinion". The section does not stipulate what the standard of proof that has to be applied in an inquiry of death. Although s. 328 of the CPC is silent on the standard of proof, of course, it cannot be said that there is no standards to be applied. That would be an unacceptable position in law. I am of the view that all that is required of the Magistrate is to arrive at an opinion applying the balance of probabilities (civil) standard test on objective basis. There must be sufficient evidence to arrive at an opinion, in particular whether the death resulted in any way from or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any other person.

Nas Undang-undang Berkaitan Inkues

[19] Di dalam kes *In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased* [2007] 2 CLJ 362, Sulong Matjeraie J (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [11] The function of a Magistrate in holding an inquiry under s. 337 is only to inquire when, where, how and after what manner the deceased came to his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of death and without more. Learned Coroner would usurp the powers and prerogatives of the Public Prosecutor enshrined under art. 145(2) of the Federal Constitution if he were to indulge into the question of whether a particular offence was committed with which a person may be charged. That, I suggest, is the unfettered function of the Attorney General who is the guardian of public interest and who under art. 145(3) of the Federal Constitution shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah Court, a native court or a Court Martial.
>
> [14] The powers conferred under s. 335 of the CPC to the Coroner holding an inquiry under Chapter XXXII of the CPC does not include any power to determine any penal offence. Whilst it is true that the provision of s. 337 of the CPC, requires the Coroner to inquire, *inter alia*, whether any person is criminally concerned in the cause of such death, the meaning of "cause of death" as defined under s. 328 of the CPC is somewhat different as follows:

> In this Chapter the words "cause of death" include not only the apparent cause of death as ascertainable by inspection or post mortem examination of the body of the deceased, but also all matters necessary to enable an opinion to be formed as to the manner in which the deceased came by his death and so as to whether his death resulted in any way from, or was accelerated by, any unlawful act or omission on the part of any other person.

[15] This provision of the CPC does not empower the Coroner to specify any penal offence in the verdict. It would have been sufficient for the Coroner to hold that "Datuk Conrad Majuntin was the one who shot the deceased to satisfy the meaning of "cause of death" under s. 328 of the CPC".

[16] Further the proviso of s. 339(2) of the CPC only applies to the proceeding in Preliminary Inquiry under Chapter XVII of CPC which has since been repealed by the Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1995 (Act A908/95). The proviso to s. 339(2) of the CPC provides:

> Provided that this subsection shall not apply to any inquiry at which a finding of murder of culpable homicide not amounting to murder has been returned against any person.

[17] The word "any inquiry" appearing in s. 339(2) of the CPC indicates that it only applies to the proceedings in a Preliminary Inquiry as the Magistrate is empowered to make a finding of culpable homicide or murder in the said repealed proceedings. It does not however confer powers to the Coroner who conducts the proceedings in Inquiries of Death under Chapter XXXII of the CPC to make a finding of murder or culpable homicide not amounting to murder.

[21] It is the view of this court that the Coroner in an inquiry under s. 337 of the CPC has no power to direct the prosecution of any person for any particular offence. Indeed, he has no power to propose or recommend or direct any party to be charged for any offence be it culpable homicide or an offence under the Arms Act. This is the function of the Attorney General as provided for under the Federal Constitution.

[20] Di dalam kes *Inquest Into The Death Of Rumie Mahlie* [2007] 1 LNS 172, David Wong Dak Wah J (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> I come now to Mr. Ng's second request and that is to revise the learned Magistrate's finding to say that the deceased did not commit suicide. On this point Mr. Ng submitted that the deceased's behaviour prior to his death was not consistent to a person who would commit suicide. This is set out at page 8 of his submission.
>
> The relevant part of the learned Magistrate's finding is set out earlier in my judgment. One can see from that conclusion that the learned Magistrate handed down an open verdict on the ground that there were no proved evidence to say whether the deceased had committed suicide or died by unlawful means on the part of any person.

Sharma J in *Re Derek Selby Deed* [1971] 1 LNS 122; [1971] 2 MLJ 277 dealt with a situation similar to the present case and this is what the learned Judge said:

> There was no evidence of any plan or desire on the part of Mr. Selby to commit suicide. All that had been proved was that it was not impossible that the deceased had committed suicide. If it could have been shown that he actually had an intention to commit suicide it would be more probable that he in fact did commit it than if he had no such intention A person may have an opportunity to commit suicide but that does not mean that he committed it. There was no evidence that the deceased had at any time shown any intention to commit suicide (a man does not always carry his intentions into effect!). If it could be shown that during the week before his death the deceased actually attempted to kill himself and was prevented from doing so, it might have afforded some evidence that he had a tendency to commit suicide and might have made a second attempt. If, however, the evidence is not sufficient to come to a definite finding as to the cause of death an open verdict should be recorded. In *R v. Huntbash, ex parte Lockley* [1944] KB 606 at p. 608 Viscount Caldecote CJ said:
>
> > Objection is taken to the finding of the coroner on the ground that there was no evidence to support it, and that is the only point in this case. There is no aspersion on or criticism of the coroner's action, except the criticism to which everyone who sits in a court of justice is exposed, namely that a mistake has been made. It is clear that the coroner sought to discharge his duties with diligence and care, and in accordance with the law.
> >
> > ... I am driven to the conclusion that there was nothing in that evidence on which it could properly be said that there was any evidence of suicide. I am satisfied that, if the coroner had been sitting with a jury and had given a proper direction to them, he would have told them:
> >
> > 'Whatever you may guess at, there is no basis of proved fact on which you can return any verdict other than an open verdict.' Section 3 of the Coroners Act, 1887, limits the duties of a jury to acting on evidence which establishes facts and not merely gives rise to surmises.'
> >
> > Sub-section (3) of s. 4 is in these terms: 'After viewing the body and hearing the evidence the jury shall give their verdict and certify it by an inquisition in writing, setting forth, so far as such particulars have been proved to them, who the deceased was, and how, when, and where the deceased came by his death.' The words 'so far as such particulars have been proved to them' seem to emphasize the duty of the jury or of the coroner to confine themselves or himself to finding such particulars as have been proved by

evidence. Here the coroner appears to have been attracted by the theory, which remained only a theory to the end of the inquest, that Lockley had deliberately made up his mind to escape for ever from grievances under which he was suffering.

Passages in his affidavit illustrate how much he was basing his verdict on guesswork instead of on particulars which had been proved in evidence. The conclusions stated in those passages are nothing more than the expression of a theory which is attractive in its probability. It is not probability, however, which determines verdicts, but proved facts, and, if facts which justify a specific verdict are not proved at an inquest, there is no alternative but to return an open verdict.

... The coroner will confine himself to establishing facts so far as he can by evidence and then give a verdict which is supported by the facts which have been proved. The law is that suicide is not to be presumed. It was for the above reasons that the finding of the learned magistrate was set aside and his verdict of suicide quashed by me and I substituted an open verdict instead.

Similarly here, if I were to revise the learned Magistrate's finding to say that the deceased did not commit suicide I would be basing it on mere conjecture. There is no evidence before the learned Magistrate to conclusively say how the deceased died. Furthermore the allegations in P13 (the letter alleging that the deceased was murdered) were tested by the learned Magistrate in details against the evidences produced in court and his conclusion that the allegations were baseless cannot be faulted. Hence the open verdict was the only option available to the learned Magistrate.

Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2019 Pengendalian Laporan Mati Mengejut Dan Siasatan Kematian Oleh Mahkamah Sesyen Koroner

1. YAA Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, dengan ini mengeluarkan arahan bagi pengendalian kes Laporan Mati Mengejut (LMM) dan Siasatan Kematian oleh Mahkamah Sesyen Koroner.

2. Semua kes LMM dan Siasatan Kematian hendaklah dikendalikan oleh hakim Mahkamah Sesyen yang digelar Koroner.

3. Kes LMM dan Siasatan Kematian bukan sahaja terhad kepada kes kematian dalam tahanan polis, kematian dalam penjara, kematian di mana mana pusat tahanan dan kematian orang tahanan di hospital tetapi juga semua kes kematian yang memerlukan siasatan dibuat di bawah Bab XXXII Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

4. Pengelasan Kod Kes

4.1

Kod	Butiran
65	Kes Laporan Mati Mengejut (LMM)
65A	Kes Siasatan Kematian (Am)
65B	Kes Siasatan Kematian (Kematian dalam tahanan)

Kes siasatan kematian yang difailkan hendaklah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Koroner di Negeri yang berkenaan mengikut pengelasan kod seperti yang berikut:

4.2 Walaupun kes LMM telah didaftarkan di bawah Kod 65, sekiranya Koroner setelah meneliti LMM tersebut mendapati bahawa Siasatan Kematian perlu dijalankan, maka kes itu hendaklah didaftarkan semula di bawah Kod 65A atau Kod 658.

5. Garis Masa Penyelesaian Kes LMM/Siasatan Kematian

5.1 Kes LMM hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pendaftaran kes LMM di Mahkamah Sesyen Koroner.

5.2 Kes Siasatan Kematian (am) hendaklah diselesaikan dalam tempoh 9 bulan dari tarikh pendaftaran kes Siasatan Kematian di Mahkamah Sesyen Koroner manakala bagi kes Siasatan Kematian (kematian dalam tahanan) hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pendaftaran kes.

6. Garis Panduan Pengendalian Kes Siasatan Kematian

Garis panduan bagi pengendalian kes siasatan kematian adalah seperti di Lampiran A Arahan Amalan ini.

7. Pemeriksaan Mayat

7.1 Koroner tidak diwajibkan untuk hadir semasa pemeriksaan mayat melainkan pegawai penyiasat berpendapat kehadiran Koroner adalah perlu.

7.2 Sekiranya pegawai penyiasat berpendapat terdapat keperluan untuk kehadiran Koroner, perkara berikut hendaklah dipatuhi:

7.2.1 Koroner hendaklah hadir di tempat mayat berada dan melakukan pemeriksaan dengan segera;

7.2.2 Koroner tidak perlu membuat catatan atau nota semasa pemeriksaan mayat. Catatan boleh dibuat oleh pegawai penyiasat dengan pengesahan bahawa Koroner telah hadir semasa pemeriksaan mayat.

7.2.3 Sekiranya atas sebab yang tidak dapat dielakkan, Koroner tidak dapat melaksanakan tugas seperti di perenggan 7.2.1, Pengarah Negeri boleh mengarahkan Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret di daerah berkenaan atau di daerah yang berhampiran untuk melaksanakan tugas pemeriksaan mayat tersebut.

7.3 Sekiranya pegawai penyiasat memutuskan bahawa mayat yang diperiksa perlu dibedah siasat, Koroner tidak perlu hadir semasa bedah siasat (post mortem) dijalankan.

7.4 Koroner tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan berkenaan keperluan untuk bedah siasat bagi kes mati mengejut, melainkan keadaan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 335(2) Kanun Tatacara Jenayah.

8. Pengendalian Kes Dan Fail-Fail LMM/Siasatan Kematian

8.1 Semua kes LMM dan siasatan kematian hendaklah difailkan secara elektronik beserta surat permohonan dan fail LMM yang lengkap. Fail LMM yang tidak lengkap boleh ditolak oleh Mahkamah.

8.2 Ketetapan di perenggan 8.1 hanya terpakai bagi lokasi Mahkamah yang mempunyai sistem aplikasi digital secara elektronik. Bagi lokasi Mahkamah yang masih menggunapakai sistem pemfailan manual, proses kerja sedia ada adalah terpakai.

8.3 Fail LMM yang dikemukakan secara manual kepada Mahkamah hendaklah dipulangkan kepada pihak pemohon setelah fail selesai disemak dan verdict (keputusan) diberikan.

9. Pembatalan Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2014

Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2014 – Pengendalian Siasatan Kematian (Death Inquiry) Selaras Dengan Penubuhan Mahkamah Khas Koroner adalah dibatalkan.

10. Tarikh Kuat Kuasa

Arahan ini berkuat kuasa pada **8 Mac 2019.**

Sekian, terima kasih.

(YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum)
Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia Istana Kehakiman
Putrajaya

Lampiran A

Garis Panduan Mengenai Siasatan Kematian (Peruntukan Yang Berkaitan Dalam Bahagian VIII Bab XXXII Seksyen 328-341 Kanun Tatacara Jenayah)

1. Apa Itu Siasatan Kematian

(a) Siasatan Kematian bukanlah seperti suatu perbicaraan;

(b) Tiada pihak yang mendakwa dan membela;

(c) Siasatan Kematian adalah suatu siasatan oleh Koroner/Majistret tentang sebab kematian dan Timbalan Pendakwa Raya yang hadir semasa Siasatan Kematian bukan untuk mendakwa seseorang tetapi hanya untuk membantu Mahkamah dengan pemeriksaan saksi bagi maksud memberikan keterangan;

(d) Peguam bela yang menghadiri suatu Siasatan Kematian bukanlah untuk membela seseorang, tetapi hadir untuk menjaga kepentingan pihak-pihak yang melantik beliau. Walaupun peguam bela tidak diberi hak untuk pemeriksaan saksi semasa Siasatan Kematian, hak ini jarang menjadi suatu isu kerana Mahkamah lazimnya akan memuaskan hati pihak-pihak bagi pemeriksaan saksi apabila permohonan dibuat oleh pihak-pihak;

(e) Walaupun berhujah tanpa kebenaran di hadapan mahkamah bukanlah perbuatan menghina mahkamah, perbuatan sedemikian adalah suatu perbuatan yang tidak sopan. Ini selari dengan penekanan terhadap etika kesopanan dalam profesion undang-undang;

(f) Seorang Koroner/Majistret tidak boleh menyatakan apa-apa pendapat mengenai apa-apa perkara sehingga Siasatan Kematian tamat;

(g) Tiada sabitan atau penghukuman di akhir Siasatan Kematian.

2. Perkara Yang Perlu Diberi Penekanan Semasa Siasatan Kematian

Presiding dan keterangan dalam suatu Siasatan Kematian hendaklah ditumpukan kepada perkara yang berikut:

(a) siapa si mati;

(b) bagaimana, bila dan di mana si mati menemui ajalnya;

(c) butir-butir yang diperlukan menurut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] untuk mendaftarkan kematian si mati;

(d) orang yang melakukan perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian, jika terdapat keterangan sedemikian, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

3. Bila Siasatan Kematian Perlu Diadakan

A. Bila Siasatan Kematian Mesti Diadakan

Koroner/Majistret mesti mengadakan suatu Siasatan Kematian jika:

(a) mana-mana orang mati semasa dalam jagaan polis (seksyen 334 KTJ);

(b) mana-mana orang mati semasa dalam jagaan, atau dalam hal keadaan yang menimbulkan keraguan mengenai penjagaan si mati; atau

(c) Pendakwa Raya meminta Koroner/Majistret untuk mengaturkan supaya suatu Siasatan Kematian diadakan mengenai kematian itu (seksyen 339 KTJ yang dibaca bersama seksyen 328 dan 329 KTJ).

B. Bila Siasatan Kematian Boleh Diadakan

Siasatan Kematian boleh diadakan untuk menyiasat suatu laporan kematian jika Koroner/Majistret berpendapat adalah wajar untuk mengadakan Siasatan Kematian (seksyen 334 KTJ) bagi mana-mana kes orang yang mati semasa dalam hospital psikiatri atau penjara.

C. Bila Siasatan Kematian Tidak Perlu Diadakan Atau Tidak Diteruskan (Seksyen 333(3) KTJ)

(1) Apabila seseorang telah dituduh dengan suatu kesalahan yang berkemungkinan dia adalah orang yang menyebabkan kematian itu.

(2) Jika Koroner/Majistret telah diberitahu bahawa prosiding jenayah akan dimulakan terhadap mana-mana orang sebelum Siasatan Kematian bermula, Koroner/Majistret tidak boleh memulakan Siasatan Kematian tersebut sehingga tamatnya presiding jenayah itu, termasuk apa-apa rayuan yang berkaitan dengannya.

D. Kategori Kes Yang Lazimnya Siasatan Kematian Diadakan

(1) Apa-apa kematian yang menimbulkan ketidakpastian atau keterangan yang bercanggah mengenainya yang mewajarkan penggunaan proses forensik kehakiman.

(2) Apa-apa kematian yang melalui Siasatan Kematian boleh mendedahkan kecacatan sistemik yang penting atau risiko yang tidak diketahui.

(3) Apa-apa kematian yang menurut pandangan keluarga atau anggota masyarakat yang berkepentingan bahawa suatu Siasatan Kematian itu berkemungkinan akan membantu mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan, perkhidmatan kesihatan atau lain-lain agensi awam.

(4) Apa-apa kematian yang apabila digabungkan bersekali dengan kematian orang lain yang berlaku dalam hal keadaan yang serupa yang boleh menunjukkan bahawa berkemungkinan terdapatnya peningkatan bahaya yang tidak dijangka di lokasi, kawasan, keluarga, industri atau aktiviti tertentu.

(5) Apa-apa kematian yang berlaku di tempat kerja yang melibatkan proses industri atau aktiviti tertentu.

(6) Apa-apa bencana yang melibatkan kematian berganda.

(7) Apa-apa kematian akibat mencederakan diri sendiri yang tidak boleh mengecualikan penglibatan pihak ketiga yang menyebabkan kematian itu.

4. Pengendalian Sebelum Siasatan Kematian

A. Melihat Mayat Si Mati

(1) Apabila Koroner/Majistret diberitahu tentang kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah seksyen 329 atau kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah seksyen 334 KTJ, Koroner/Majistret hendaklah, setakat mana yang bersesuaian:

- Bersama Pegawai Perubatan, melihat dan memeriksa mayat di situ, untuk mengambil perhatian tentang apa-apa kecederaan atau tanda pada mayat;
- Mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penemuan mayat (dalam kes kematian semasa dalam jagaan);

Apa-apa pemerhatian yang dibuat hendaklah dicatat secara bertulis dan catatan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada nota Koroner/Majistret dalam Siasatan Kematian.

(2) Koroner/Majistret dengan bantuan pihak polis hendaklah:

- memaklumkan dengan segera keluarga/waris/kadim/orang yang berkepentingan tentang kematian si mati;
- memaklumkan kepada keluarga/waris/kadim/orang berkepentingan tentang apa-apa pemeriksaan post-mortem yang hendak dijalankan dan alasan bagi pemeriksaan post mortem tersebut;

(3) Koroner/Majistret hendaklah memastikan bahawa mayat si mati diserahkan kepada keluarga/waris kadim untuk dikebumikan dengan seberapa segera dengan syarat siasatan dan/atau post mortem yang perlu bagi maksud Siasatan Kematian telah dijalankan dengan sewajarnya. Apa-apa alasan kelewatan dalam serahan mayat si mati hendaklah direkodkan dalam nota Koroner/Majistret.

B. Notis untuk mengadakan Siasatan Kematian

Koroner/Majistret hendaklah dengan bantuan pihak polis, memaklumkan keluarga/waris kadim berkenaan dengan tarikh, masa dan tempat Siasatan Kematian. Notis ini hendaklah diserahkan tidak kurang dari 2 minggu sebelum tarikh Siasatan Kematian.

5. Siasatan Kematian

A. Protokol Pemeriksaan Saksi

Koroner/Majistret mempunyai kawalan terhadap prosiding, dan hendaklah memulakan pemeriksaan saksi, dan diikuti oleh pemeriksaan saksi oleh orang lain yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Siasatan Kematian. Koroner/Majistret dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya.

B. Kelayakan Pemeriksaan Saksi

Terdapat hanya 'orang yang berkepentingan' sahaja dalam presiding Siasatan Kematian. Koroner/Majistret hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk menentukan siapa yang layak untuk memeriksa saksi, termasuk yang berikut:

(a) ibu bapa, anak, pasangan dan mana-mana wakil diri bagi si mati;

(b) mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana ejen atau pekhidmatnya boleh, menurut pendapat Koroner/ Majistret, telah menyebabkan, atau menyumbang kepada, kematian si mati;

(c) seorang pemeriksa yang dilantik oleh, atau seorang wakil diri, pihak berkuasa yang menguatkuasa, atau mana-mana orang yang dilantik oleh Jabatan Kerajaan untuk menghadiri Siasatan Kematian; dan

(d) mana-mana orang lain, menurut pendapat Koroner/Majistret, adalah orang yang berkepentingan.

C. Penzahiran Dokumen

Koroner/Majistret mempunyai budi bicara berkenaan dengan penzahiran dokumen. Budi bicara ini hendaklah secara amnya dilaksanakan untuk membenarkan penzahiran dokumen.

D. Kelonggaran pemakaian tatacara dan kaedah keterangan Tatacara dan kaedah keterangan yang sesuai untuk proses accusatorial adalah tidak sesuai bagi proses siasatan.

Koroner/Majistret tidak wajar membenarkan mana-mana cubaan oleh pihak-pihak berkepentingan untuk mempertikaikan kredibiliti saksi, sebagai contoh, melalui prosiding mencabar kebolehpercayaan (impeachment proceedings).

F. Keterangan Yang Menjerat Diri Sendiri (Self Incrimination)

Saksi yang hadir dalam presiding Siasatan Kematian tidak perlu menjawab apa-apa soalan yang cenderung untuk menjerat diri saksi itu (self incriminate).

Jika seorang saksi telah ditanya dengan soalan sedemikian, Koroner/ Majistret hendaklah memaklumkan kepada saksi bahawa dia boleh untuk tidak menjawab soalan itu.

G. Dapatan Koroner/Majistret

Koroner/Majistret yang mengendalikan Siasatan Kematian hendaklah membuat dapatan mengenai:

(a) siapa si mati;

(b) bagaimana si mati mati;

(c) bila si mati mati;

(d) di mana si mati mati;

(e) sebab kematian si mati; dan

(f) mana-mana orang, yang melakukan perbuatan atau melakukan peninggalan yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

H. Keputusan (Verdict) Koroner/Majistret

Keputusan (verdict) Siasatan Kematian oleh Koroner/Majistret tidak boleh menentukan persoalan mengenai:

(a) liabiliti jenayah; atau

(b) liabiliti sivil, bagi seorang yang dinamakan.

Pada akhir Siasatan Kematian, Koroner/Majistret mesti menyampaikan verdict berdasarkan mana-mana satu yang berikut:

(a) mati yang tidak dapat ditentukan cara kematian (open verdict);

(b) mati akibat kemalangan (misadventure);

(c) mati akibat penyakit (natural death);

(d) mati akibat perbuatan orang lain (homicide);

(e) mati akibat perbuatan diri sendiri (suicide).

I. Tempat Siasatan Kematian

Tempat Siasatan Kematian hendaklah terbuka kepada orang awam tetapi Koroner/Majistret boleh, atas alasan tertentu yang suai manfaat, mengecualikan kehadiran orang awam atau mana-mana orang pada mana-mana peringkat siasatan [seksyen 338(2) KTJ].

J. Penyegeraan Presiding Siasatan Kematian

Atas dasar kepentingan awam, suatu prosiding Siasatan Kematian hendaklah disegerakan dan diberi keutamaan. Prosiding Siasatan Kematian hendaklah dikendalikan secara berterusan sehingga tamat.

6. Pasca Prosiding Siasatan Kematian

A. Koroner/Majistret hendaklah menghantar kepada Pendakwa Raya keseluruhan fail asal yang ditandatanganinya beserta suatu salinan nota keterangan dan dapatan yang diperakui dengan ditandatangani olehnya sebagai betul/sahih.

B. Koroner/Majistret, dengan bantuan polis, hendaklah memaklumkan kepada keluarga/waris kadim tentang keputusan (verdict) Siasatan Kematian.

C. Koroner/Majistret boleh memberi Salinan keputusan (verdict) dan nota presiding Siasatan Kematian kepada mana-mana orang berkepentingan atas permohonan secara bertulis.

7. Proviso Am

Apa-apa sebutan kepada perkataan "Koroner /Majistret" dalam Garis Panduan ini hendaklah juga dibaca sebagai Hakim Mahkamah Sesyen Koroner.

[21] Tugas Mahkamah Koroner berhubung dengan prosiding inkues kematian telah jelas diperuntukkan di bawah s. 337 Kanun Tatacara Jenayah iaitu:

> A Magistrate holding an inquiry shall inquire when, where, how and after what manner the deceased came by his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of the death.

[22] Rumusannya, terdapat lima perkara yang harus diputuskan oleh Mahkamah Koroner dalam prosiding inkues iaitu:

(i) bilakah si mati meninggal dunia;

(ii) di mana si mati meninggal dunia;

(iii) bagaimana si mati telah meninggal dunia;

(iv) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan

(v) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati.

[23] Adalah terang lagi bersuluh bahawa s. 337 Kanun Tatacara Jenayah ini telah menggariskan terma-terma rujukan yang harus dipatuhi oleh Mahkamah Koroner semasa menjalankan prosiding inkues kematian. Mahkamah Koroner tidak boleh sama sekali bertindak di luar daripada batasan terma-terma rujukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

[24] Alasan mengapa had kuasa ini harus dipatuhi telah dijelaskan dalam *In Re Anthony Chang Kim Fook*, *Deceased* (*supra*) di mana mahkamah menyatakan seperti berikut:

> [8] It must be borne in mind that in an inquest, there are no parties, there is no indictment, there is no prosecution, there is no defence and there is no trial. It is simply an attempt to establish facts. It is an inquisitorial process, a process of investigation quite unlike a trial where the prosecutor accuses and the accused defends, the judge holding the balance or the ring, whichever metaphor one chooses to use, see *R v. South London Coroner; ex parte Thompson* [1982] 126 SJ 625 DC.
>
> [9] In another English case of *R v. Huntbash; ex parte Lockley* [1944] KB 606, Viscount Caldecote CJ adds:
>
> > ... It is not probability; however which determines verdicts, but proved facts, and, if facts which justify a specific verdict are not proved at an inquest, there is no alternative but to return an open verdict.
>
> [10] This is because a Coroner is bound by evidence and can only find facts which are proved in evidence and are not as a result of guesswork which is "certainly out", per Suriyadi J (now JCA) in *Public Prosecutor v. Shanmugam* [2002] 6 MLJ 562.

[25] Jadi persoalan yang harus dijawab adalah sama ada Hakim Mahkamah Tinggi telah bertindak melebihi had kuasa yang diberikan apabila membuat keputusan berikut:

> kematian si mati adalah disebabkan terdapat unsur-unsur salah guna kuasa dan pelakuan yang menyalahi undang-undang oleh pihak polis dan bukannya atas tujuan mempertahankan diri.
>
> Dengan dapatan dari verdict ini, saya mengarahkan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara untuk melakukan apa-apa yang perlu bagi memulakan apa-apa sabitan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan seterusnya menjalankan pendakwaan sekiranya difikirkan wajar.

[26] Pada hemat kami, dengan hormatnya, Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf bila membuat dapatan sebegini kerana inkues bukannya suatu perbicaraan atas pendakwaan yang telah dibuat terhadap seseorang tertuduh. Oleh itu, isu sama ada tembakan yang dilepaskan oleh SI3 dan SI4 adalah sah di sisi undang-undang atas dasar mempertahankan diri atau pun sebaliknya tidak boleh dinyatakan dan diputuskan di dalam prosiding inkues ini. Seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah tidak membenarkan dapatan sebegini dibuat di peringkat ini.

[27] Malah Hakim Mahkamah Tinggi juga tidak boleh mencadangkan atau mengarahkan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara untuk memulakan tindakan pendakwaan terhadap mana-mana pihak yang dikatakan terlibat di dalam menyebabkan kematian ke atas si mati. Dengan berbuat demikian, Hakim Mahkamah Tinggi telah mengambil alih bidang kuasa dan budi bicara Peguam Negara/Pendakwa Raya di bawah per. 145(2) Perlembagaan Persekutuan.

[28] Seperkara lagi, keputusan/dapatan berkenaan wujudnya salah guna kuasa dan tembakan yang dilepaskan itu bukan sebenarnya untuk tujuan mempertahankan diri sepertimana yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi nyata telah melampaui (gone beyond) Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2019 di atas.

Kesimpulan

[29] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu/Pendakwa Raya.

[30] Kes dikembalikan semula ke Mahkamah Tinggi Ipoh untuk didengar di hadapan hakim yang lain bagi membuat keputusan yang betul (to make a proper verdict) berdasarkan kepada kehendak undang-undang dan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 2 Tahun 2019.